

GS/MY-009/MAR2026
12 Mac 2026

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Presint 2, Putrajaya

**PERKARA: PEMBERITAHUAN RASMI KENAIKAN CAJ BAHAN API (YQ)
- MALAYSIA AIRLINES DAN FIREFLY**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa berikutan perkembangan terkini serta turun naik harga bahan api global, Malaysia Airlines dan Firefly akan melaksanakan penyesuaian ke atas caj bahan api (YQ) bagi semua tiket yang dikeluarkan pada atau selepas tarikh berikut. Penyesuaian ini akan dilaksanakan secara dua (2) fasa seperti berikut:

Fasa 1

- **Tarikh berkuat kuasa: 16 Mac 2026**
- **Kawasan terlibat: Semua kecuali Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong, dan Filipina**

Fasa 2

- **Tarikh berkuat kuasa: 25 Mac 2026**
- **Kawasan terlibat: Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong, dan Filipina**
**** Senarai surcaj bahan api bagi sektor Jepun akan dikemaskini sebelum 25 Mac 2026.**

Penyesuaian ini adalah diperlukan bagi mengurangkan kesan kenaikan kos bahan api sambil mengekalkan kualiti perkhidmatan, kebolehpercayaan, dan jaringan penerbangan yang dijangkakan oleh pelanggan dan rakan kongsi. Operasi kedua-dua syarikat kekal berjalan seperti biasa di seluruh rangkaian, dengan tahap kebolehpercayaan operasi yang tinggi.

Keselamatan tetap menjadi keutamaan tertinggi, dan Malaysia Airlines serta Firefly terus komited mengekalkan standard yang menentukan pengalaman penerbangan. Kedua-dua syarikat juga terus menyokong keperluan perjalanan rakan kongsi dan komuniti dengan menambah kekerapan penerbangan di pasaran utama dari semasa ke semasa.

Dilampirkan:

1. Harga tambang GOVT Malaysia Airlines – Kemaskini 16 Mac 2026 – 31 Dis 2026
 2. Harga tambang Firefly – Kemaskini 16 Mac 2026 – 31 Dis 2026
- Semua harga telah dikemas kini dengan caj bahan api (YQ) yang baru.**

Sehubungan itu, pihak kami memohon agar kemaskini harga tambang GOVT Malaysia Airlines dan Firefly dapat disalurkan kepada semua pejabat berkaitan.

Maklumat ini diharapkan dapat dipanjangkan kepada seluruh jabatan agar pihak berkenaan dapat membuat persediaan dan merujuk kepada tambang yang telah diluluskan.

Mukasurat 2
12 Mac 2026

Pihak jabatan dimohon memastikan agensi yang dilantik mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang isu perbezaan harga.

Kami sedia maklum tempoh 30 hari diperlukan oleh pihak kami membuat sebarang perubahan harga namun yang demikian adalah menjadi harapan kami agar pihak Tuan dapat mempertimbangkan perkara ini berdasarkan keadaan semasa yang berlaku di luar kawalan kami.

Sekian, terima kasih atas perhatian dan kerjasama pihak tuan.

Yang benar,



NUR HAYATI AZIZ RASHID

Ketua Jualan Komersial Sabah, Sarawak dan Kerajaan Malaysia